

# Mengenang jasa pahlawan

Oleh YULPISMAN ASLI  
(WARTAWAN UTUSAN)

*'Pahlawan  
Hari ini harimu dalam kenangan  
Kerana jasa dan bakti yang terbilang  
Kami kenangi dalam sedu dan sumpah  
hulubalang'*

**DEMIKIAN** antara baris sajak *Pahlawan* yang dicipta oleh Mejar (B) Mohamed Awang bagi menggambarkan penghargaan kepada wira negara yang telah berjuang mempertahankan kedaulatan tanah air.

Semalam, 31 Julai, sajak itu sekali lagi berkumandang di udara apabila ia di-deklamasikan oleh Leftenan Kolonel Mohd. Radzi Abd. Rahman sempena istiadat meletak kalungan bunga sempena sambutan Hari Pahlawan 2006 di Tugu Peringatan Negara.

Pada hari itu, jasa pahlawan dalam memelihara kedaulatan negara dikenang dan diingati oleh semua pihak.

Dan, kemuncak kepada sambutan tersebut adalah majlis meletakkan kalungan bunga di Tugu Negara yang dilakukan oleh pembesar negara, diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Cuaca hujan renyai-renyai dan suasana basah akibat hujan lebat di awal pagi, sedikit pun tidak mematahkan 'jiwa dan semangat' hadirin untuk menzahirkan penghargaan ke atas jasa pahlawan yang gugur mempertahankan kedaulatan negara.

Sambutan Hari Pahlawan kali ini akan disusuli oleh sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-49 pada 31 Ogos ini.

Bagaimanapun, bagi kebanyakan rakyat biasa, Hari Pahlawan yang disambut itu akan berlalu pergi seperti ditiup angin.

Tidak ada apa yang istimewa untuk dikenangkan apatah lagi untuk disambut dengan menganjurkan majlis tertentu.

Lebih menyedihkan, mungkin ada yang tidak tahu bahawa 31 Julai me-

rupakan Hari Pahlawan serta maksud di sebaliknya sambutan tersebut yang diadakan pada setiap tahun.

Sehubungan itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani berharap, satu acara sambutan Hari Pahlawan yang lebih besar dapat diadakan di ibu negara pada masa hadapan.

"Mungkin kita boleh adakan perarakan sempena Hari Pahlawan. Ia bukan sahaja untuk mengenang jasa dan pengorbanan pahlawan, tetapi juga bagi meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat, terutama generasi muda," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau bagaimanapun mengakui tahap kesedaran masyarakat terhadap sambutan Hari Pahlawan semakin baik berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Begitupun, katanya, usaha perlu diteruskan untuk menarik minat golongan muda bagi menjadikan profesion keselamatan khususnya ketenteraan sebagai kerjaya pilihan utama.

"Ini kerana, tanpa pengorbanan anggota tentera, maka keamanan dan kemakmuran yang dikecapi kini tidak mungkin dinikmati oleh semua," katanya.

Kenyataan itu ada benarnya, kerana kebanyakan anak muda sekarang lebih berminat bekerja di kilang-kilang berhawa dingin, daripada membuat pengorbanan menjadi seorang anggota tentera dan pejuang mempertahankan ibu pertiwi daripada sebarang anasir.

Di sebalik kemajuan sains dan teknologi, penjajahan dalam bentuk fizikal atau tanah air adalah simbol penakhikan sesebuah negara.

Maka itu, sambutan Hari Pahlawan yang diadakan untuk sekian kali, mungkin masanya untuk kita bermuhasabah,

**Sejauh mana pula penghargaan yang telah kita berikan kepada pejuang-pejuang terdahulu. Adakah cukup sekadar menghulurkan sedikit sumbangan melalui derma rayuan Hari Pahlawan?**

menilai semula sumbangan kepada tanah air tercinta.

Selain itu, sejauh mana pula penghargaan yang telah kita berikan kepada pejuang-pejuang terdahulu. Adakah cukup sekadar meletakkan kalungan bunga atau menghulurkan sedikit sumbangan melalui derma rayuan Hari Pahlawan?

Di pihak kerajaan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad, telah banyak usaha dilakukan bagi menjaga kebajikan anggota tentera dan keluarga mereka yang gugur dalam perjuangan.

Jelas beliau, kerajaan membelanjakan kira-kira RM10 juta setahun untuk membela nasib anggota tentera dan anggota keluarga mereka.

Bantuan itu turut melibatkan balu dan anak anggota tentera yang gugur dalam medan perjuangan.

Itu di pihak kerajaan. Bagaimana pula di pihak swasta dan masyarakat umum? Ini kerana, anggota tentera berjuang tanpa mengira sempadan dan batas waktu. Hasilnya, nikmat kemerdekaan negara dapat dirasakan oleh semua pihak.

"Betul negara merdeka tanpa mengorbankan nyawa. Tetapi jangan pula kita lupa, berapa banyak darah yang tumpah dan nyawa yang gugur sebelum kemerdekaan itu boleh dicapai," soal Muhammad.

Dalam hal ini, beliau mengalu-alukan tindakan Kementerian Penerangan yang mengambil inisiatif menyiarkan secara langsung istiadat meletak kalungan bunga di Tugu Negara dan juga beberapa kerajaan negeri yang mengadakan acara sambutan.

Malah, beliau turut berbesar hati dengan langkah RTM mengadakan kempen derma rayuan Hari Pahlawan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

"Setidak-tidaknya ia memberi kese-



TUGU peringatan negara yang tersergam di ibu kota menjadi lambang pengorbanan anggota tentera menjaga keselamatan negara.

edaran kepada masyarakat umum tentang pengorbanan yang dilakukan oleh pahlawan demi kedaulatan dan kemakmuran negara," ujarnya.

Ringkasnya, tanggal 31 Julai tetap merupakan tarikh penting dan akan diraikan setiap tahun sebagai mengenang jasa wira-wira negara.

Tanpa pengorbanan mereka, tidak mungkin negara dapat membangun dan rakyat pula hidup dalam aman makmur.

Semoga jasa wira-wira negara terus dikenang terutama di kalangan generasi muda seperti yang terukir di tembok asas Tugu Negara.

"Memperingati perwira-perwira yang berjuang untuk menegakkan keamanan dan kebebasan. Moga-moga Allah cururkan rahmat ke atas mereka."